

Akhlak mulia atasi keruntuhan moral

ALOR STAR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam kembali menghayati serta mempertingkatkan usaha ke arah melaksanakan nilai murni dan akhlak mulia dalam kehidupan harian.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu setiap individu Muslim mempelajari al-Quran dan sunnah supaya segala tindakan yang diambil berpandu dan dipengaruhi oleh kedua-dua sumber berkenaan.

Katanya, kecemerlangan hidup di dunia dan

akhirat tidak akan tercapai sepenuhnya selagi akhlak tidak dipengaruhi ajaran al-Quran.

"Keruntuhan moral di kalangan generasi hari ini sebahagian besarnya berpunca daripada kurangnya kefahaman mengenai ajaran al-Quran.

"Oleh itu, saya menyeru semua pihak, terutama ibu bapa, guru dan media massa serta pihak lain yang berkaitan memberi keutamaan dan perhatian serius kepada penghayatan ajaran Islam berkenaan akhlak," katanya ketika merasmikan Majlis Tila-

wah al-Quran peringkat kebangsaan kali ke-37 di Stadium Darul Aman, di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata kekuatan, keamanan dan kemakmuran sesebuah negara sebahagian besar terletak kepada kemandapan dan keutuhan akhlak yang baik dan murni bagi setiap individu.

Katanya, tanpa akhlak yang baik, sesuatu masyarakat itu akan menjadi kucar-kacir, mengalami huru-hara dan akan rosak binasa.

Beliau berkata gejala sosial yang membimbangkan masyarakat

akan timbul seperti jenayah, merompak, pembunuhan, menagih dadah, wabak Aids, penyalahgunaan kuasa dan wang, penderaan isteri dan anak-anak, budaya lepak, bohsia dan pelbagai lagi jenis keruntuhan akhlak.

Menurut Perdana Menteri, gejala buruk itu akan membawa padah buruk kepada negara jika tidak ditangani segera.

"Semua fenomena buruk itu adalah disebabkan kelunturan keima-

LIHAT MUKA 2

Akhlak mulia atasi keruntuhan moral

DARI MUKA 1

nan dalam hati seseorang. Justeru itu, wadah yang berkesan di dalam menangani wabak itu ialah dengan menghayati isi kandungan dan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang terdapat dalam al-Quran.

"Memang benar dan tepat bahawa al-Quran adalah panduan dan pembina akhlak mulia walaupun bagi masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

"Ini kerana akhlak yang dimuliakan oleh Islam tidak bertentangan dengan konsep yang sama bagi masyarakat bukan Islam, walaupun tekanannya mungkin berbeza," katanya.

Dr Mahathir berkata, umat yang maju jaya di dunia dan akhirat adalah mereka yang mempunyai

ciri-ciri akhlak mulia.

Sebaliknya, katanya, tamadun Islam hanya menjadi luntur apabila ajaran al-Quran dibelakangkan atau disalahfahamkan demi kepentingan pihak tertentu.

Perdana Menteri berkata masyarakat sesebuah negara yang menghayati dan mengamalkan ciri-ciri akhlak mulia yang disarankan oleh al-Quran akan hidup dalam keadaan aman, sejahtera dan menikmati kestabilan politik, kemantapan ekonomi dan kemajuan negara.

Bagi Malaysia, katanya, negara bersyukur kepada Allah kerana aman dan sejahtera serta dilindungi daripada ancaman buruk.

"Keadaan ini kita nikmati hasil daripada peng-

hayatan seluas mungkin ajaran Islam serta akhlak murni yang berteraskan kepada al-Quran," katanya.

Beliau berpendapat tidak ada masyarakat Islam yang berjaya 100 peratus menghayati ajaran al-Quran dan mengecapi sepenuhnya nikmat daripadanya.

"Ini kerana kelemahan manusia. Tetapi setiap masyarakat Islam perlu mencuba. Insya-Allah sedikit sebanyak kita akan berjaya dan mengecapi nikmat yang dijanjikan.

"Jika hari ini kita menikmati kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi di tahap yang kita boleh berbangga, sebabnya ialah kerana kita cuba menghayati ajaran al-Quran," katanya.